

Mangsa tsunami terima PhD UMS

BH 23.11.2014 3

» Dr Hasanuddin tangguh kajian sejarah politik Islam 3 tahun akibat bencana

Oleh Mohd Izham Unnip

Abbdullah

thaddius@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Sorang mangsa tsunami Aceh adalah antara 4,490 graduan yang menerima ijazah dan diploma sempena Majlis Konvokesyen Ke-16, Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, semalam.

Dr Hasanuddin Yusuf Adan, 53, (**gambar**) yang membuat kajian berkaitan sejarah politik Islam di

Aceh, Indonesia, terpaksa menangguhkan pengajian peringkat ijazah doktor falsafah selama tiga tahun akibat bencana berkenaan.

Beliau hanya sempat memulakan kajian untuk menghasilkan tesisnya kira-kira empat bulan sebelum tsunami melanda kampung halamannya di Banda Aceh pada 26 Disember 2004.

Kajian musnah

Beliau yang juga pensyarah di Universiti Ar-Raniry, Aceh, berkata semua persediaan dan bahan untuk kajian itu musnah apabila Pusat Kajian Yayasan Adenin di Jeulingke, Aceh, yang menjadi pusat rujukan dan perbincangan bersama rakan beliau, ranap dihanyutkan ombak tsunami.

“Selepas mendaftar di UMS pada Julai 2004, saya kembali ke Aceh untuk memulakan kajian tetapi tanpa disangka bencana tsunami melanda pada Disember tahun itu.



“Selepas keadaan kembali pulih, barulah saya menyambung semula kajian bermula pada tahun 2007 dan berkat bantuan UMS, akhirnya saya berjaya mendapat ijazah doktor falsafah dalam bidang sejarah pada tahun ini iaitu selepas 10 tahun,” katanya.

Menceritakan semula pengalamanya ketika bencana tsunami itu, Hasanuddin berkata, ketika kejadian, beliau dalam perjalanan ke Pusat Kajian Yayasan Adenin untuk menghadiri perbincangan bersama rakan sebelum dikehujtan dengan berita mengenai bencana yang mengorbankan ratusan ribu nyawa itu.

Selepas mendapat berita berkenaan, beliau berpatah balik dan menyelamatkan diri bersama ahli keluarganya tetapi tidak dapat memaklumkan keadaan dirinya kepada UMS kerana kerokongan sistem telekomunikasi.